

UPM pastikan program PJJ menepati kualiti ditetap KPT

SERDANG, 8 Jun – Universiti Putra Malaysia (UPM) akan memastikan proses pengajaran dan pembelajaran program pendidikan jarak jauhnya (PJJ) mencapai tahap kualiti yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Pengarah Urusan, UPM Education & Training Sdn. Bhd. (UPMET) , Dr. Abdul Aziz Saharee berkata pemantauan ke atas syarikat yang mengendalikan pusat pembelajaran akan dilakukan secara berterusan oleh Jawatankuasa Kawalan Mutu Program Akademik (Jumpa) bagi memastikan tahap akademik dan kebaikan pelajar sentiasa diberi perhatian.



"Kami berharap pihak pusat pembelajaran akan terus berusaha menambah baik prasarana di pusat masing-masing demi membina suasana pembelajaran yang kondusif untuk pelajar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan majlis memperbaharui memorandum perjanjian (MoA) yang berakhir pada hujung Februari lalu antara UPMET dengan 12 syarikat yang mengendalikan 15 pusat pembelajaran PJJ UPM di sini baru-baru ini.

Antara syarikat yang terlibat dalam MoA itu ialah Lifelong Learning Academy Sdn. Bhd yang mengendalikan Pusat Pembelajaran di Alor Star dan Ipoh, Tapak Intelek Sdn. Bhd. (Kuala Lumpur dan Shah Alam), Kolej Poly-Tech Mara Sdn. Bhd. (Seremban) dan DMDI International Education Sdn. Bhd. (Melaka).



Syarikat-syarikat lain ialah Sugeharat Management & Training Services (Johor Bahru dan Kota Kinabalu), Shahputra Education Sdn. Bhd (Kuantan), Leader Tech Management & Services (Kota Baharu), ETP Management Sdn. Bhd (Kuching), KAS Management & Services (Sibu), KADZ Development Centre Sdn. Bhd (Miri), Gading Tenaga Resources Sdn. Bhd. (Sandakan) dan Syarikat Minda Cemerlang (Tawau).

Pada majlis MoA itu, UPM diwakili oleh Dr. Abdul Aziz sambil disaksikan oleh Pengarah Urusan UPM Holdings, Dr. Husaini Omar, sementara syarikat pusat pembelajaran diwakili oleh pengarah urusan masing-masing.

Abdul Aziz berkata, perjanjian itu merupakan kali ketiga dilakukan antara UPM dan pusat pembelajaran PJJ.

"Program PJJ UPM telah bermula sejak tahun 1995 dan ia dipertanggungjawabkan di bawah Institut Pendidikan dan Pembelajaran Jarak Jauh (Ideal). Pada 1 Januari 2004, Ideal telah digabungkan dengan Pusat Program Luar dengan menggunakan nama PPL.

"Pada Mac 2010, program PPL telah diletakkan di bawah UPMET untuk mengembangkan lagi program PJJ dan memberi perkhidmatan yang berkualiti dan efisien," ujarnya.

Berita ini disediakan oleh Pejabat Pemasaran Dan Komunikasi (MarComm) (Mohd. Martin Abdul kahar) Foto (Noor Azreen Awang, 03-89466188).

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia